

20 MAY 1998

ANWAR: PENYUSUNAN SEMULA MAS MESTILAH TIDAK MENJEJASKAN PEMEGANG SAHAM MINORITI

KUALA LUMPUR, 20 Mei (Bernama) -- Kerajaan tidak akan meluluskan penyusunan semula korporat Sistem Penerbangan Malaysia Bhd (MAS) jika ia dilaksanakan dengan mengorbankan kepentingan pemegang saham minoriti, kata Timbalan Perdana Menteri Datuk Seri Anwar Ibrahim di sini hari ini.

Bercakap pada satu persidangan berita di sini, Anwar berkata: "Kita tidak melarang penyusunan semula sebagai satu dasar."

Katanya, syarikat-syarikat boleh meneruskan rancangan penyusunan semula asalkan dasar kerajaan yang tidak membenarkan penyusunan semula dengan mengorbankan kepentingan pemegang saham minoriti dipatuhi dan kerajaan memang tegas tentang perkara ini.

Anwar, yang juga Menteri Kewangan, berkata demikian apabila ditanya sama ada dasar kerajaan tidak konsisten apabila kerajaan membuat pengumuman pada akhir tahun lalu untuk membekukan penyusunan semula korporat.

Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad berkata April lalu bahawa kerajaan, yang memiliki kepentingan utama dalam syarikat penerbangan nasional itu, tidak akan menghalang MAS daripada melaksanakan penyusunan semula syarikat itu. -- BERNAMA

AD KY MA